




BAB DUA





BAB DUA

KONSEP-KONSEP SYARIAH DAN PRODUK-PRODUK PERBANKAN ISLAM YANG DITAWARKAN DI BMMB

2.0 PENDAHULUAN

Syariah adalah suatu yang penting dalam Islam dan ia merupakan kayu pengukur kepada sesuatu perkara itu sama ada ianya boleh diiktiraf sebagai Islam ataupun tidak. Oleh yang demikian perkhidmatan-perkhidmatan atau produk-produk perbankan Islam tidak dapat lari daripada menggunakan konsep-konsep syariah yang sesuai dan bertepatan dengan kehendak syariah dalam perlaksanaannya, bagi membolehkan ianya diiktiraf sebagai produk-produk perbankan Islam. Inilah yang membezakan diantara perbankan konvensional dengan perbankan Islam. Di dalam bab ini penulis ingin menerangkan serba sedikit berkenaan konsep-konsep syariah yang sedia terpakai dalam perbankan Islam dan juga produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad dalam melaksanakan perbankan Islam.



2.1 PENGERTIAN KONSEP DAN SYARIAH

Mengikut Kamus Dewan, Konsep ditakrifkan sebagai pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu atau gagasan, tanggapan dan idea.¹ Istilah syariah pula berasal dari perkataan "Syari'at" dalam Bahasa Arab.² Dalam penggunaan biasanya ia mengertikan sumber air minum ataupun pembawaan yang jelas. Pengertian ini bukan sahaja terpakai dalam Bahasa Arab tetapi juga dipakai di dalam al-Quran.³

Dalam istilah pengajian hukum Islam perkataan ini boleh mengertikan apa sahaja sistem tentang hidup, sama ada yang ditaja oleh Allah s.w.t atau melalui para NabiNya ataupun yang diciptakan oleh manusia. Dalam pengertian sedemikian orang sering menyebut, misalnya Syariat Musa, Syariat Isa, Syariat Muhammad, Syariat Yahudi, Syariat Islam malah Syariat Buddha dan Hindu. Hanya apabila istilah ini digandingkan dengan perkataan langit misalnya Syariat Langit, maka ianya baru khusus merujuk kepada segala sistem yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada para RasulNya, dan bagi merujuk secara khusus kepada sistem hidup Islam kita selalunya menyebut Syariat Islam atau Syariat Muhammad.⁴

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), **Kamus Dewan Bahasa**, DBP, Kuala Lumpur, Edisi 3, hal 702.

² **Al-Qāmus al-Mūhiṭ** di bawah perkataan "Syara'a".

³ **Al-Qurān al-Karīm**, Surah al-Jathiyah, Surah ke 45, ayat 18.

⁴ Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid (1992), **Sejarah Pembinaan Hukum Islam**, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal 1.



Berdasarkan kepadauraian di atas jelaslah kepada kita apa yang disebut sebagai Syariat Islam atau Syariah Islam itu ialah suatu yang merangkumi secara keseluruhannya segala apa yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada umat manusia melalui RasulNya Nabi Muhammad s.a.w. Ianya dapat dilihat dalam dua bentuk iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Di dalamnya terkandung segala aspek pengajaran tentang hidup manusia sama ada mengenai akidah, akhlak, tasawuf, ibadat dan segala peraturan yang lain sama ada yang menghubungkan antara manusia dengan Tuhan-Nya, diri sendiri, masyarakat dan alam sekeliling.⁵

Dari segi disiplin pengajian Syariat Islam ia biasanya dibahagikan kepada tiga kompenan utama iaitu;⁶

- i) Hal-hal mengenai akidah iaitu yang bersangkutan paut dengan hati nurani manusia dalam hubungannya dengan Allah.
- ii) Hal-hal mengenai akhlak , iaitu yang membicarakan tentang budi perkerti manusia sebagai seorang individu.
- iii) Hal-hal mengenai tindak-tanduk lahiriah manusia yang berkaitan hal-hal halal dan haram perbuatan manusia.

⁵ *Ibid.*, hal 2.

⁶ *Ibid.*, Untuk penghuraian secara terperinci mengenai pembahagian ini sila lihat Hasan Sobhi Ahmad (1970). *al-Madkhāl ilā Fiqh al-Islāmī*, Kahirah, hal 41-42. Lihat juga Badrūn Abū ‘Aynyn Badrūn (1972). *Al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*, Kahirah, hal 10.



2.2 SUMBER-SUMBER SYARIAH

Di dalam bahagian ini penulis akan membincarakan serba sedikit berkenaan sumber-sumber syariah yang digunakan oleh para ulama' di Malaysia dalam menentukan hukum serta perjalanan sesuatu produk perbankan Islam yang diterima pakai sekarang. Penulis tidak akan membincarakan secara terperinci tetapi sekadar pengertian kepada sumber yang digunakan untuk memudahkan kefahaman pembaca mengenai penentuan hukum serta perlaksanaan sesuatu produk perbankan Islam.

Antara sumber-sumber syariah yang utama digunakan ialah al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyyas. Manakala sumber-sumber yang lain adalah seperti Maslahah, Istihsan, Istishab, Sadd Zariyah, 'Urf, Maqasid Syariyyah, Siyasa Sariyyah, Ta'wil, Istiqra' dan talfiq. Sekarang kita akan membincangkan secara satu persatu mengenai sumber-sumber syariah ini;

- i) Al-Qurān ialah wahyu atau kalamullah yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada RasulNya Muhammad s.a.w. melalui perantaraan Malaikat Jibril selama 23 tahun secara beransur-ansur. Al-Quran juga mempunyai namanya yang lain iaitu al-Furqān⁷, al-Kitāb⁸ dan al-Zikr⁹. Ini adalah sumber pertama yang

⁷ Al-Qurān, *Op.cit.*, Surah al-Furqan, ayat 1.



perlu dilihat oleh para mujtahid dalam penetapan hukum tentang sesuatu perkara. Dalilnya kita boleh melihat dengan jelas melalui firman Allah S.w.t. ;

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَطْبَعُوا اللَّهَ وَأَطْبَعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْ كُفَّارٍ
فَإِنْ تَنْزَلَ عَثْمَمٌ فِي شَرِيعَةِ فَرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْشَمْ ثُؤْمَنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan ulil amri (Orang berkuasa) dikalangan kamu, sekiranya kamu berselisih pandapat tentang sesuatu perkara, maka rujuklah kepada Allah(al-Quran) dan RasulNya(al-Sunnah)

(Surah al-Nisa' :59)¹⁰

- ii) **Al-Sunnah** ialah segala apa yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. sama ada berupa kata-kata atau pengucapan, perbuatan mahupun pengakuan. Dalam masyarakat umum di Malaysia ianya dikenali sebagai al-Hadith. Ini adalah sumber syariah yang kedua utama selepas al-Quran dan wajib bagi

⁸ Ibid., Surah al-Baqarah, ayat 2.

⁹ Ibid., Surah al-Hajr, ayat 9.

¹⁰ Ibid., Surah al-Nisa' , 4:59.



para mujahid untuk merujuk kepadanya selepas al-Quran. Ini boleh kita lihat melalui firman Allah di atas dan firmanNya yang lain iaitu;

وَمَا آتَيْتُكُمْ أَلِرْسَوْلُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَنَّكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya: Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah laranganya.

(Surah al-Hasyr : 7)¹¹

- iii) **Ijmak** bermaksud persepakatan mujahid di kalangan umat Islam terhadap sesuatu hukum syarak pada sesuatu zaman selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.¹² Tetapi setakat mana kebenaran sesuatu hukum dikategorikan sebagai apa yang diijmakkkan adalah sesuatu yang sukar kerana luasnya wilayah Islam dan wujudnya pelbagai aliran pemikiran di kalangan umat Islam. Oleh yang demikian sebahagian besar para ulama' berpandangan ijmak yang sebenarnya hanya berlaku di zaman sahabat Rasulullah s.a.w. sebelum mereka berhijrah ke wilayah

¹¹ Ibid., Surah al-Hasyr 59.7.

¹² Abū Zuhrah (t.t), **Usūl al-Fiqh**, Dār al-Fikr, Kaherah, hal 185.



lain dan dakwaan ijmak selepas zaman tersebut adalah sesuatu yang sukar diterima.¹³

- ♦
- iv) **Qiyas** merujuk kepada menyamakan hukum asal yang ada nas dengan perkara baru yang tiada nas tetapi mempunyai *illah* yang sama. Justeru itu Imam Syafi'e telah menganggap qiyas sebagai asas kepada ijihad.¹⁴ Ia dianggap sebagai sumber perundangan yang banyak memberi sumbangan dalam menyelesaikan isu-isu baru yang belum dibahaskan.¹⁵
 - v) **Maslahah** bermaksud memutuskan sesuatu hukum berdasarkan prinsip kebaikan umum pada perkara yang tidak terdapat nas daripada al-Quran dan al-Sunnah secara jelas.¹⁶ Secara umumnya perundangan Islam meletakkan maslahah dalam perlaksanaan sesuatu hukum. Justeru bagi perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan dan keperluan kepada orang ramai, kebiasaannya ia akan mendatangkan dalil-dalil yang berbentuk perintah. Tetapi jika sesuatu itu mendatangkan

¹³ *Ibid.*, hal 188-189.

¹⁴ *Ibid.*, hal 204.

¹⁵ Al-Zarqā'(1968), *Al-Madkhāl al-Fiqhi al-Ām*, Dār al-Fikr, Beirūt, Jilid 1, hal 68.

¹⁶ *Ibid.*, hal 90.



kemudaratan syarak akan mendatangkan dalil yang melarang serta menegah daripada melakukannya.¹⁷

‡

- vi) **Istihṣān** merujuk kepada pengenepian sesuatu hukum yang mempunyai dalil atas suatu perkara dengan mengambil hukum yang lain yang lebih kukuh dan lebih kuat daripada hukum yang pertama, berasaskan dalil syarak yang membolehkan tindakan yang sedemikian.¹⁸

- vii) **Istishāb** merujuk kepada pengekalan hukum yang terdahulu selagi belum terdapat dalil lain yang boleh mengubah hukum tersebut.¹⁹

- viii) **Sadd Zari‘ah** merujuk kepada pendekatan untuk menyekat perkara yang boleh membawa seseorang terjebak dalam perkara yang diharamkan. Ia dianggap sebagai langkah pencegahan awal untuk mengelakkan seseorang Islam daripada melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah S.w.t.²⁰

¹⁷ Iz al-Dīn b. ‘Abd al-Salām (t.t), *Qawāīd al-Āhkām*, Dār al-Ma‘rifah, Beirūt, Jilid 1, hal 2-4.

¹⁸ Abū Zuhrah, *Op.cit.*, hal 245. Lihat juga Wahbah al-Zuhailī (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Dār al-Fikr, Damsyik, Jilid 2, hal 738 dan ‘Abd Al-Wahāb Khallāf (1982), *Maṣādir al-Tasyrī’ al-Islāmī fī mā lā Naṣṣa fihi*, Dār al-Qalām, Kuwait, hal 71.

¹⁹ *Ibid.*, hal 276.

²⁰ *Ibid.*, hal 268.



- ix) **Urf** merujuk kepada kebiasaan yang diamalkan oleh sebahagian besar sesuatu masyarakat sama ada dalam bentuk percakapan atau perbuatan.²¹ Ia merupakan *adat jama'iyyah* iaitu amalan kebiasaan yang diterima pakai secara kolektif dan ini boleh diterima pakai sebagai asas hukum selama mana ia tidak bercanggah dengan syarak.²²
- x) **Maqāsid Syar'iyyah** merujuk kepada objektif yang ingin dicapai oleh syariah ketika menetapkan sesuatu hukum yang bertujuan menjaga kepentingan dan kesejahteraan manusia.²³
- xi) **Siyāsah Syar'iyyah** merupakan suatu bidang dalam perundangan Islam yang membicarakan hukum yang berhubung kait dengan dasar dan pendekatan yang diambil untuk menyusun struktur pentadbiran negara dan urusan rakyat, selaras dengan ruh syariat. Ia meliputi soal pemerintahan pusat dan wilayah, ekonomi, kehakiman, keamanan, hubungan antarabangsa dan seumpamanya.²⁴

²¹ Al-Zarqā', *Op.cit.*, hal 131

²² Wahbah al-Zuhaili, *Op.cit.*, hal 828.

²³ Ahmad al-Rusaimi (1992), *Nazariyyah al-Maqāsid 'Inda al-Imām al-Syātībī*, The International Institute of Islamic thought, Herndon, hal 7.

²⁴ Ahmad al-Husāry (t.t), *Al-Siyāsah al-Iqtisādiyyah wa al-Nuzūm al-Māliyyah fī al-Fiqh al-Islāmī*, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, Kaherah, hal 12.



- xii) **Ta' wil** bermaksud usaha untuk menerangkan kehendak syarak daripada sesuatu lafaz (dalil) tanpa terikat kepada pengertian zahir dalil tersebut. Sebaliknya maksud lain yang tersirat akan diterima pakai sekiranya disokong kuat oleh dalil lain yang menjelaskan bahawa syarak menghendaki maksud tersebut. Ianya penting kerana menyentuh tentang maksud jangkauan sesuatu dalil dan memahami kehendak syarak bagi sesuatu dalil tersebut, kerana kadang kala sesuatu dalil bukan mengkehendaki makna zahirnya.²⁵
- xiii) **Istiqrā'** merujuk kepada penelitian secara menyeluruh terhadap sesuatu perkara sebelum memberikan suatu kesimpulan hukum terhadap perkara tersebut. Kaedah ini dilaksanakan dengan membuat penelitian terhadap aplikasi dalil am ke atas hukum cabang yang berkaitan dan seterusnya mengeluarkan beberapa pengecualian jika ada.²⁶
- xiv) **Talfiq** bermaksud mengemukakan suatu pendekatan yang tidak pernah diperkatakan oleh mujtahid silam. Kaedah ini menggabungkan dua pandangan mazhab atau lebih dan

²⁵ Al-Dūrainī (t.t), **Al-Manāhij al-Usūliyyah**, Muassasah al-Risālah, Damsyik, hal 189.

²⁶ Wahbah al-Zuhailī, *Op.cit.*, hal 916.



menghasilkan pendapat lain yang tidak pernah diperkatakan oleh mujtahid terdahulu.²⁷

2.3 KONSEP- KONSEP SYARIAH YANG DIPAKAI OLEH PERBANKAN ISLAM

Setelah para mujtahid mengkaji serta meneliti secara mendalam sumber-sumber syariah di atas maka hasilnya ialah munculnya prinsip-prinsip atau konsep-konsep syariah yang boleh dipakai dan diimplementasikan ke dalam produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh perbankan Islam. Antaranya ialah al-Mudharabah, al-Musyarakah, al-Murabahah, al-Wadiah, Bai^c Bithaman Ajil, Bai^c al-Dayn, al-Ijarah, al-Qardhul Hassan, Bai^c as-Salam, Bai^c al-Istijrar, al-Kafalah, ar-Rahnu, al-Wakalah, al-Hiwalah, as-Sarf, al-Ujr dan al-Hibah.

Dalam memberikan pentakrifan dan penguraian kepada konsep-konsep syariah ini penulis akan memberikan definisi atau penguraian yang telah diberikan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Ini kerana empat institusi inilah yang memainkan peranan penting dalam perbankan Islam tanah air. Untuk huraian yang lebih terperinci

²⁷ *Ibid.*, hal 1143.



tentang konsep-konsep ini telah banyak diperbincangkan di dalam kitab-kitab fiqh²⁸, buku-buku ilmiah²⁹ dan di dalam kertas kerja³⁰ seminar dan persidangan.

²⁸ Untuk keterangan lanjut sila lihat Wahbah Zuhaili (1989), *al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, Dār al-Fikr, Damsyik, Jilid 4 & 5 ; Ibn Rushd (1984), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, Lahore, Jilid 2 ; Muhammad al-Sharbinī al-Khaṭīb (t.t.), *Mughnī al-Muhtāj*, Mesir, Jilid 2 ; Ibn al-Humānī (1980), *Fath al-Qadir*, Kaherah, Jilid 4 ; al-Kāṣānī (t.t.), *Bādā'if al-Sanā'i' fī Tartib al-Syā'i'*, Matba'ah Jamaliyyah, Kaherah, jilid 8 ; Ibn Qudāmah (t.t.), *al-Mughnī*, Maktabah al-Jumhūriyyah al-'Arabiyyah, Jilid 5 ; al-Zurqānī (1979), *Sharh Muwattī' Malik*, Maktabah al-Kuliyyah al-Azhāriyyah, Kaherah, Jilid 3 ; al-Shāfrāni (1981), *al-Mizān al-Kubrā*, Dār al-Fikr, Jilid 2.

²⁹ Terdapat banyak buku berkenaan penguraian konsep-konsep ini dan ianya ditulis dalam bahasa Arab, Inggeris dan Melayu. Antara buku-buku yang ditulis dalam Bahasa Arab ialah, Ahmad al-Najjar (1973), *al-Madkhāl ilā al-Nāriyyah al-Iqtisādiyyah fī al-Manhāj al-Islāmī*, Dār al-Fikr ; *Idem* (1972), *Bunük Bili Fawā'id ka Istirātiyyah li al-Tanmiyyah al-Iqtisādiyyah wa al-Ijtima'iyyah*, Jami'ah Malik 'Abd al-Aziz, Jeddah ; Muhammad Bāqir al-Sadr (t.t.), *al-Bank al-Lāribawi fī al-Islām*, Dār al-Ta'awūn, Beirut ; Rafiq al-Miṣrī (1981), *Maṣraf al-Tanmiyyah al-Islāmī*, Mu'assasah al-Risālah, Beirut ; Ghariib al-Jamāl (1971), *al-Masārif wa al-'Amal al-Masrafiyyah fī al-Syā'i'ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*, Dār al-Ittiḥād al-'Arabi, Kaherah ; Dr. Muhammad Sobri Harūn (1999), *Ahkām al-Aswāq al-Māliyyah*, Dār al-Nafā'is, Jordan ; Muhammad 'Uthmān Shabir (1998), *al-Mu'amalat al-Māliyyah al-Mu'asirah*, Dār al-Nafā'is, Jordan. Dalam Bahasa Inggeris ialah, Muhammad Nejatullah Siddiqi (1985), *Partnership and Profit Sharing in Islamic Law*, The Islamic Foundation, Leicester, United Kingdom (UK) ; *Idem* (1988), *Banking Without Interest*, The Islamic Foundation, Leicester, UK ; *Idem* (1983), *Issue in Islamic Banking*, The Islamic Foundation, Leicester, UK ; Ahmad al-Najjar (1978), "Islamic Bank: A Model and The Challenge", *The Challenge of Islam*, Islamic Council of Europe, London ; Muhammad Abd Allah al-Arabi (1966), "Contemporary Bank Transactions and Islam's View There On", *Islamic Review*, London ; Muhammad Abdul Mannan (1969), "Islam and Trend in Modern Banking", *Islamic Review*, London ; *Idem* (1985), *Islamic Economic: Theory and Practice*, Islamic Publications Ltd, Lahore ; Afzal Ur Rahman (1980), *Economic Doctrines of Islam*, Islamic Publications Ltd, Lahore ; Ziauddin Ahmed (1984), *Concept and Models of Islamic Banking*, Karachi ; Waqar Masood Khan (1985), *Towards An Interest-free Islamic economic System*, Leicester, UK ; Atau Hoque (ed.) (1987), *Readings In Islamic Banking*, Islamic Foundation Bangladesh ; Muhammad Uzair (1980), "Some Conceptual and Practical Aspects of Interest-free Banking" dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Studies in Islamic Economics*, The Islamic Foundation, Leicester ; M. Umer Chapra (1985), *Toward A Just Monetary System*, The Islamic Foundation, Leicester, UK ; Mohammed Ariff (ed.) (1983), *Monetary and Fiscal Economics of Islam*, International Center for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University, Jeddah ; Abdul Munir Yaacob & Hamiza Ibrahim (eds.) (1999), *Islamic Financial Services and Products*, Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur. Antara buku dalam Bahasa Melayu ialah, Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaanya di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur ; Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur ; Rosli Mahmood (1997), *Konsep Asas Perbankan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur ; Abd-Jalil Borhan (ed.) (1999), *Sains Muamalah Islam di Malaysia*, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Darul Takzim ; Surthaman Kastin Hasan (1993), *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

³⁰ Antaranya ialah, Dr. Joni Tamkin Borhan, "Instrumen-Instrumen Dalam Sistem Muamalah Islam", Dato' Haji Hassan Haji Ahmad, "Mudharabah Dalam Sistem Muamalah Islam", Prof. Madya Dr.



Antara Konsep yang telah diberikan pendefiniasian dan ianya dipakai dan diterima secara umum ialah ;

i)

Al-Wadiah Yad Dhamanah (*Saving with guarantee*), iaitu satu akad di antara tuan punya barang atau deposit (wang tunai) dengan pihak yang menyimpan ke atas jumlah deposit atau barang tertentu bagi tujuan menjaga keselamatan deposit atau barang tadi daripada kemusnahan, kecurian, kehilangan dan sebagainya. Jika berlaku perkara yang disebut ini maka pihak penyimpan akan memberi jaminan untuk menggantikannya. Dalam pengamalan perbankan deposit yang disimpan ke dalam akaun al-Wadiah boleh dikeluarkan oleh pelanggan bila-bila masa sahaja dan deposit itu juga boleh dilaburkan oleh penyimpan bagi tujuan mendapat keuntungan. Keuntungan yang didapati dari hasil pelaburan deposit tadi adalah milik sepenuhnya pihak penyimpan dan penyimpan boleh memberikan keuntungan

Abdul Halim El-Muhammady, "Pinjaman Dengan Faedah dan Penyelesaiannya Menurut Syariat Islam", dalam **Nadwah Koprasi Islam Peringkat Kebangsaan**, Persatuan Ulama' Malaysia, Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor, 15 Julai 2000 ; Prof. Dr. Abdullah @ Alwi Haji Hasssan, "Institusi Kewangan: Insurans dan Perbankan Islam Sebagai Alternatif", Mohd Bakhir Haji Mansor "Operasi Sistem Perbankan Islam: Satu Pengamalan BIMB", Dr. Zainal Azam Abd. Rahman "Prinsip-Prinsip Shari'ah Dalam Amalan Perbankan Islam", dalam **Seminar Kebangsaan Industri Insurans dan Perbankan Islam 2000**, Printis Associate Training & Consultancy, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 6-7 September 2000 ; Prof. Madya Dr. Joni Tamkin Borhan, "Perlaksanaan Prinsip-Prinsip Syariah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia". Azizi Che Sernan, "The Roles of Bai'-al-'Inah In The Malaysian IPDS", Sanep Ahmad & Surtaman Kastin Hassan, "Kad Kredit: Satu Ulasan Sari Perspektif Syariah", dalam **Bengkel Ekonomi Islam**, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Balai Ilmu Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 22 Jun 2002.



tadi kepada pendeposit mengikut budi bicaranya sebagai tanda penghargaan kepada pendeposit.³¹

:

- ii) **Al-Mudharabah (*Profit sharing*)**, iaitu satu perjanjian yang dimetrai antara pemodal dan pengusaha di mana pemodal bersetuju untuk membiayai projek yang akan diusahakan oleh pengusaha dan berkongsi untung mengikut nisbah pembahagian yang dipersetujui bersama terlebih dahulu. Jika berlaku kerugian, ianya akan ditanggung sepenuhnya oleh pembiaya modal jika kerugian itu bukan disebabkan kecuaian pengusaha.³²

- iii) **Al-Musyarakah (*Joint venture*)** iaitu perkongsian atau usaha sama dalam menjalankan sesuatu perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan, dimana keuntungan akan dibahagikan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani oleh rakan-rakan kongsi. Jika berlaku sebarang kerugian kesemua pihak akan menanggung kerugian tersebut mengikut pembahagian penyertaan.³³

³¹ Lihat <http://www.bnm.gov.my> (Islamic Banking Concept) semakan 2002 ; <http://www.bankislam.com.my> (Pusat Penerangan), semakan 2002, ; BMMB (2002), **A Quick Guide On Products and Services** (Glossary).

³² Ibid.

³³ Ibid.



- iv) **Al-Murabahah (*Cost plus*)**, iaitu Jualan barang dengan harga meliputi kos belian dan kadar keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Jenis kontrak jualan ini adalah sah sekiranya harga jualan, lain-lain kos dan kadar keuntungan penjual telah termaktub sewaktu perjanjian jualan.³⁴
- v) **Bai' Bithaman Ajil (*Deferred payment sale*)**, iaitu penjualan barang dengan bayaran tertangguh pada harga jualan yang ditetapkan dengan kadar keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.³⁵
- vi) **Bai' al-Dayn (*Debt trading*)**, iaitu merujuk kepada pembelian hutang. Ia adalah bertujuan menyediakan sumber kewangan yang diperlukan oleh pengeluaran, perdagangan dan perkhidmatan dengan cara jual beli dokumen atau sijil perdagangan. Hanya dokumen yang menunjukkan hutang sebenar yang terbit daripada bon yang dikeluarkan oleh transaksi antara pedagang boleh diperdagangkan.³⁶ Dalam konteks pasaran modal Islam bai' al-Dayn ialah kaedah

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*



melakukan penjualan hutang yang wujud hasil daripada akad pertukaran (mu'awadat maliyyah) seperti murabahah, bai' bithaman ajil (BBA), ijarah, istisna' dan lain-lain lagi.³⁷

- vii) **Al-Ijarah Thumma al-Bai'** (*Leasing and subsequently purchase*), iaitu merujuk kepada dua kontrak perjanjian seperti berikut;
- Kontrak al-Ijarah atau sewaan.
 - Kontrak al-Bai' atau pembelian

Di bawah kontrak yang pertama, penyewa menyewa barang daripada pemiliknya dan bersetuju dengan kadar bayaran sewaan dalam suatu jangka masa yang ditetapkan. Apabila jangka masa ~~sewaan~~ itu telah tamat penyewa akan masuk dalam kontrak yang kedua iaitu membeli barang tersebut daripada pemiliknya dengan harga yang telah dipersetujui.³⁸

³⁷ Suruhanjaya Sekuriti (2002), **Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti**, Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur, hal 16.

³⁸ Opcit, www.bnm.gov.my, www.bankislam.my, BMMB (2002), A Quick Guide On Product and Services.



- viii) **Al-Ijarah (*Leasing*)**, iaitu satu perjanjian di mana pemilik menyewakan peralatan, bangunan atau lain-lain kemudahan kepada penyewa pada satu kadar tetap yang dipersetujui bersama.³⁹
- ix) **Al-Qardhul Hassan (*Benevolent loan*)**, iaitu pinjaman yang diberikan tanpa mengharapkan pulangan atau faedah. Peminjam hanya membayar balik jumlah wang yang dipinjam tanpa dikenakan sebarang faedah. Walau bagaimanapun peminjam digalakkan membayar lebih daripada jumlah yang dipinjam sebagai tanda penghargaan atau terima kasih.⁴⁰
- x) **Bai as-Salam (*Future delivery*)** iaitu merujuk kepada satu perjanjian jual beli, yang mana bayaran dibuat dahulu sementara barang yang dijual akan diterima pada satu tarikh akan datang yang dipersetujui bersama.⁴¹
- xi) **Bai' al-Istijrar (*Supply contract*)**, iaitu merujuk kepada satu perjanjian diantara pelanggan dengan pembekal, di mana pembekal bersetuju membekalkan suatu barang kepada

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*



pengguna dalam tempoh masa tertentu, misalnya satu bulan dan satu jumlah harga dan cara pembayaran ditentukan dan dipersejuaui bersama.⁴²

- xii) **Al-Kafalah (*Guarantee*)**, iaitu jaminan yang diberikan oleh individu kepada pemilik barang di mana pemilik menyimpan atau mendepositkan barangannya kepada pihak ketiga. Penjamin dan pihak ketiga perlu bertanggungjawab untuk memenuhi sebarang tuntutan pemilik ke atas barangannya.⁴³
- xiii) **Al-Rahnu (*Collateralised borrowing*)**, merujuk kepada satu perjanjian, di mana satu aset yang bernilai dijadikan sebagai satu cagaran kepada hutang. Cagaran ini akan dilelong jika gagal membayar hutang yang dibuat.⁴⁴
- xiv) **Al-Wakalah (*Nominating another person to act*)**, iaitu merujuk kepada satu situasi di mana seseorang melantik individu lain untuk melaksanakan satu tugas sebagai wakilnya.⁴⁵

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ *Ibid.*



- xv) **Al-Hiwalah (*Remittance*)**, iaitu merujuk kepada pemindahan dana atau hutang daripada akaun pendeposit atau penghutang kepada akaun penerima atau pemutang di mana satu komisen akan dikenakan kepada perkhidmatan tersebut.⁴⁶
- xvi) **Bai' al-Istisna' (*Manufacture sale*)**, iaitu akad jual beli di mana pembeli menempah atau memesan kepada penjual untuk membuat sesuatu barang yang dikehendakinya supaya disiapkan dalam masa yang ditentukan dengan harga dan cara bayarannya ditetapkan.⁴⁷
- xvii) **Bai' Al-Innah**, iaitu merujuk kepada jual beli yang berlaku antara penjual dengan pembeli. Di mana penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan harga tangguh lebih tinggi, kemudian penjual membeli semula asset tersebut daripada pembeli dengan harga tunai yang lebih rendah.⁴⁸

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Suruhanjaya Sekuriti (2002), *Op.cit.*, hal 20.



- xviii) **As-Sarf (*Foreign exchange*)**, iaitu merujuk kepada jual beli matawang asing.⁴⁹
- xix) **Al-Ujr (*Fee*)**, iaitu merujuk kepada komisen atau yuran yang dikenakan ke atas suatu perkhidmatan.⁵⁰
- xx) **Al-Hibah (*Gift*)**, iaitu merujuk kepada hadiah atau bayaran yang dibuat secara sukarela kerana membayar balik pinjaman yang diberikan.⁵¹

⁴⁹ www.bnm.gov.my, www.bankislam.my, BMMB (2002), A Quick Guide On Product and Services.

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ *Ibid.*



2.4 PRODUK-PRODUK PERBANKAN ISLAM YANG DITAWARKAN DI BMMB

Dalam bahagian ini penulis akan menerangkan tentang produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) yang terkini.⁵² Penulis akan merujuk kepada dokumen, risalah, majalah dan laman web yang dikeluarkan oleh BMMB. Secara umumnya produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan oleh BMMB boleh dibahagikan kepada tiga bahagian⁵³ yang utama iaitu:

2.4.1. Produk-Produk Simpanan atau Deposit.

i) Akaun Simpanan al-Wadiah (*Al-Wadiah Savings Account*)

Akaun ini berdasarkan konsep syariah al-Wadiah Yad Dhamanah di mana pendeposit akan menyimpan deposit mereka dengan bank dan bank memberi jaminan ke atas simpanan tersebut. Dengan menyimpan di bank bermakna pendeposit membenarkan bank menggunakan wangnya untuk apa juar pelaburan yang dibenarkan oleh syarak. Keuntungan daripada pelaburan adalah milik

⁵² Sehingga tahun 2002.

⁵³ *Op.cit.* BMMB (2002), A Quick Guide On Products and Services ; <http://www.Muamalat.com.my> (Products and Sevices) semakan 2002.



sepenuhnya bank. Pembayaran atau hibah kepada pendeposit adalah atas budi bicara bank. Pendeposit boleh mengeluarkan wang mereka pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang sekatan.

Ciri-ciri kepada akaun ini ialah anda akan mendapat satu buku akaun, Kad ATM atas bergantung kepada permintaan anda, deposit yang paling minimum adalah RM100 dan lanya di bawah kontrak al-Wadiah Yad Dhamanah. Antara manfaat atau kelebihan yang bakal anda perolehi ialah anda akan dibayar hibah atas jumlah simpanan anda bergantung kepada budi bicara bank, hibah dikira setiap hari, kemudahan ATM sepenuhnya, boleh keluarkan wang bila-bila masa sahaja dan transaksi antara cawangan dibolehkan.

Sasaran pelanggan adalah individu 12 tahun dan ke atas, kanak-kanak bawah 12 tahun (dalam akaun amanah), kelab, persatuan dan masyarakat keseluruhannya yang mana aktiviti mereka tidak dilarang oleh syarak. Permohonan boleh dibuat oleh orang perseorangan dengan melengkapkan kad tandatangan ujikaji bagi akaun simpanan, melengkapkan borang permohonan kad ATM dan satu salinan kad pengenalan penyimpan. Bagi kanak-kanak dibawah



umur 12 tahun hendaklah melakukan permohonan melalui ibu bapa atau penjaga.⁵⁴

ii) **Akaun Semasa al-Wadiah (*Al-Wadiah Current Account*)**

Akaun ini juga berdasarkan kepada konsep syariah al-Wadiah · Yad Dhamanah yang mana fungsinya sama dengan akaun simpanan al-Wadiah. Ciri-cirinya ialah anda akan mendapat buku cek, kad ATM atas permohonan bagi akaun persendirian, penyata bulanan, deposit minimum RM 1000, RM 100 bayaran perkhidmatan bagi setiap cek yang ditolak kerana kekurangan deposit, RM 10 bayaran perkhidmatan bagi setiap perintah sekatan pembayaran cek dan RM 10 bayaran perkhidmatan akan ditolak setiap setengah tahun daripada akaun yang mempunyai baki deposit kurang daripada RM 1000.

Antara faedah dan kelebihan yang anda akan perolehi ialah dibayar hibah, kemudahan ATM bagi pemegang kad, boleh memohon kemudahan bank yang lain bagi pelanggan korporat, transaksi antara cawangan dan pemindahan wang automatik untuk akaun pengumpulan. Sasaran pelanggan ialah individu yang berumur 18 tahun yang mempunyai kemampuan, syarikat, pertubuhan dan kelab.

⁵⁴ *Ibid.*, BMMB (2002), hal 1.



Permohonan boleh dibuat oleh seseorang dengan melengkapkan borang permohonan yang berkaitan dan kad tandatangan ujikaji, melengkapkan borang permohonan kad ATM, seorang perujuk diperlukan, satu salinan dokumen pengenalan dan dokumen lain yang berkaitan.⁵⁵

*iii) Akaun Pelaburan Mudharabah Umum (*Al-Mudharabah General Investment Account*) (GIA)*

Akaun ini berdasarkan kepada konsep syariah al-Mudharabah yang mana ia merujuk kepada kontrak yang dibuat di antara pemodal (depositor) dengan usahawan atau pengurus kewangan (bank) bagi membolehkan melakukan pelaburan yang selari dengan kehendak syariah. Kedua-dua pihak bersetuju berkongsi keuntungan daripada pelaburan yang dibuat mengikut kadar yang dipersetujui bersama. Cirri-cirinya ialah anda akan mendapat satu sijil pelaburan, pelaburan boleh dilakukan selama satu bulan atau lebih sehingga maksimum 60 bulan dan deposit minimum bagi satu bulan ialah RM 5000 dan 2 bulan dan ke atas sebanyak RM 1000.

⁵⁵ *Ibid.*, hal 2-3.



Sasaran pelanggan ialah mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai kemampuan berkontrak, jabatan kerajaan, syarikat, pertubuhan, koperasi dan sesiapa yang ingin mendapat pulangan yang tinggi. Seseorang boleh memohon dengan cara melengkapkan borang permohonan yang berkaitan dan kad tandatangan ujikaji dan dokumen berkaitan yang diperlukan.⁵⁶

iv) **Akaun Pelaburan Mudharabah Istimewa (*Al-Mudharabah Special Investment Account*) (SIA)**

Akaun ini juga berdasarkan konsep syariah al-Mudharabah. Tetapi pelaburannya dibuat perniagaan tertentu sahaja dan dikongsi keuntungan secara bersama hasil daripada perniagaan yang dicebur. Ciri-ciri kepada akaun ini ialah jumlah minimun yang diterima ialah RM 500,000, minimun tempoh pelaburan selama satu bulan, Kedua-dua pihak bersetuju berkongsi keuntungan mengikut kadar yang telah dipersetujui dan sekiranya berlaku kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.

Kelebihannya ialah keuntungan akan dibayar apabila pelaburan yang dibuat mencapai tempoh matangnya dan jumlah pelaburan serta

⁵⁶ *Ibid.*, hal 4.



kadar pembahagian keuntungan boleh dirunding secara perseorangan. Sasaran pelanggan ialah pelanggan-pelanggan tertentu dan agensi kerajaan. Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan yang berkaitan dan kad tandatangan ujikaji dan juga dokumen berkaitan yang diperlukan.⁵⁷

2.4.2. Produk-Produk Pembiayaan Hutang.

i) Pembiayaan Perumahan BBA Muamalat (*Muamalat BBA Home Financing*)

Produk pembiayaan ini berteraskan konsep syariah al-Bai' Bithaman Ajil (BBA), iaitu ianya merujuk kepada penjualan dengan harga tangguh. Di bawah kontrak ini bank akan membeli aset yang diminta oleh pelanggan dengan harga kos dan menjualnya kembali kepada pelanggan dengan harga kos tambah keuntungan melalui asas bayaran tangguh atau ansuran dalam tempoh dan harga yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.

Ciri-ciri kepada produk ini ialah harga jualan mesti dipersetujui oleh kedua belah pihak dan ianya tidak akan berubah sehingga akhir-

⁵⁷ *Ibid.*, hal 5.



tempoh pembayaran balik, bayaran balik dibuat dalam bentuk bertempoh seperti bulanan, suku tahunan atau setengah tahunan, hak milik harta dipegang oleh bank sehingga pelanggan membayar balik kesemua jumlah pembiayaan yang dibuat dan harga jualan tidak sama sekali akan berubah walaupun berlaku perubahan tempoh dan harga pasaran. Kelebihan produk ini ialah bayaran balik, harga dan tempoh masa adalah tidak berubah, pelanggan dilindungi oleh Pelan Takaful Gadai Janji dan tempoh bayaran balik sehingga 35 tahun atau umur mencapai 60 tahun bergantung kepada yang mana satu paling hampir. Tujuan pembiayaan adalah untuk membiayai sebuah rumah yang sempurna dan membiayai semula perumahan. Sasaran pelanggan ialah semua individu yang berumur 18 tahun dan ke atas, organisasi perniagaan, kemasyarakatan dan pertubuhan yang lain yang diterima oleh bank. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan perjanjian asal jual beli, salinan surat ikatan status harta, sewaan dan taksiran terkini, laporan penilaian, laporan cukai pendapatan untuk dua tahun yang lepas dan dokumen lain yang diminta oleh bank.⁵⁸

⁵⁸ *Ibid.*, hal 6-7.



ii) **Pembiayaan Perumahan Istisna' Muamalat (*Muamalat Istisna' Home Financing*)**

Produk pembiayaan ini berteraskan konsep syariah Bai' al-Istisna', iaitu merujuk kepada penjualan barang atau harta benda yang akan dibina atau dikeluarkan dan akan diterima pada masa akan datang yang ditentukan. Pembiayaan ini membolehkan pelanggan membeli rumah yang sedang dibina. Di bawah kontrak ini bank akan membeli rumah dengan harga kos dan menjual kembali kepada pelanggan dengan tambahan margin keuntungan berasaskan kepada bayaran tangguh atau ansuran yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak.

Ciri-ciri kepada produk ini ialah pembiayaan perumahan yang dalam pembinaan, harga jualan yang dipersetujui oleh kedua pihak tidak akan berubah sehingga tamat tempoh pembayaran balik, pembayaran bulanan ditetapkan berdasarkan harga jualan dan tempoh pembayaran, pemilikan harta dipegang oleh bank sehingga pelanggan selesai melakukan seluruh pembayaran balik pembiayaan dan harga jualan tidak akan berubah walaupun terdapat perubahan dalam tempoh dan harga pasaran. Kelebihan produk ini ialah bayaran balik, tempoh dan harga jualan yang tetap, pelanggan dilindungi oleh



pelan Takaful Gadai Janji, pelanggan hanya membayar keuntungan bulanan sepanjang tempoh pembinaan rumah dan tempoh pembayaran maksimum sehingga 35 tahun atau mencapai umur 60 tahun mengikut mana yang terdahulu. Tujuan kepada pembiayaan ini adalah untuk membiayai perumahan yang dalam pembinaan. Sasaran pelanggan dan cara memohon pembiayaan adalah sama dengan produk Pembiayaan Perumahan BBA Muamalat.⁵⁹

*iii) Pembiayaan Aset Tetap BBA Muamalat (**Muamalat BBA Fixed Asset Financing**)*

Produk ini beroperasi berdasarkan konsep syariah al-Bai' Bithaman Ajil (BBA), iaitu ia merujuk kepada jualan dengan harga tangguh atau ansuran. Di bawah kontrak ini bank akan membeli aset yang dikehendaki oleh pelanggan dan menjual balik kepada pelanggan dengan harga kos ditambah keuntungan berdasarkan kepada bayaran harga tangguh dengan tempoh dan harga yang dipersetujui bersama. Ciri-ciri kepada produk ini ialah harga jualan adalah tetap dan dipersetujui oleh kedua belah pihak dan iaanya tidak akan berubah sehingga akhir tempoh pembayaran balik, bayaran balik dibuat dalam bentuk bertempoh seperti bulanan, suku tahunan atau

⁵⁹Ibid., hal 9.



setengah tahunan, hak milik harta dipegang oleh bank sehingga pelanggan membayar balik kesemua jumlah pembiayaan yang dibuat dan harga jualan, tidak sama sekali akan berubah walaupun berlaku perubahan tempoh dan harga pasaran.

Kelebihannya pelanggan boleh merancang pengaliran tunai mereka kerana bayaran bulanan dan tempoh adalah tetap, bayaran balik sehingga 15 tahun bagi rumah kedai dan pelanggan dilindungi oleh pelan Takaful Gadai Janji. Sasaran pelanggan ialah mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas, organisasi perniagaan, kemasyarakatan dan pertubuhan lain yang diterima oleh bank. Permohonan dibuat dengan mengemukakan perjanjian jual beli yang asal, laporan penilaian, laporan cukai pendapatan dua tahun yang terdahulu dan dokumen lain yang berkaitan yang diminta oleh bank.⁶⁰

iv) **Pembiayaan Aset Tetap Istisna' Muamalat (*Muamalat Istisna' Fixed Asset Financing*)**

Produk pembiayaan ini berteraskan konsep syariah Bai' al-Istisna', iaitu merujuk kepada penjualan barang atau harta benda yang akan dibina atau dikeluarkan dan akan diterima pada masa akan

⁶⁰ *Ibid.*, hal 10.



datang yang ditentukan. Pembiayaan ini membolehkan pelanggan membeli aset tetap yang sedang dibina. Di bawah kontrak ini bank akan membeli aset tetap yang dikehendaki oleh pelanggan dengan harga kos dan menjual kembali kepada pelanggan dengan tambahan margin keuntungan berdasarkan kepada bayaran tangguh atau ansuran yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak.

Ciri-ciri kepada produk ini ialah barang tidak wujud semasa akad dan barang tersebut hendaklah dibuat dan diterima pada masa akan datang, bayaran kepada harga jualan dibayar secara sejumlah tunai dan bayaran pendahuluan mungkin sebelum barang diterima. Sasaran pelanggan adalah organisasi perniagaan. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan kertas kerja dengan analisis aliran tunai, akaun yang teraudit dan dokumen sokongan yang lain.⁶¹

v) **Pembiayaan al-Naqad (*Al-Naqad Financing*)**

Produk ini berasaskan kepada konsep syariah BBA. Bank akan membiayai semula aset tetap pelanggan, jadi modal boleh digunakan oleh pelanggan mengikut kehendaknya. Ini adalah untuk tambahan modal kerja pelanggan. Ciri-ciri kepada produk ini ialah tempoh dan

⁶¹ *Ibid.*, hal 11.



jumlah pembayaran balik secara ansuran yang telah dipersetujui oleh kedua pihak, bank membeli aset tetap daripada pelanggan dan bank akan menjual balik aset tersebut kepada pelanggan dengan harga yang dipersetujui bersama. Kelebihannya ialah modal tersedia. Sasaran pelanggan ialah individu yang berumur 18 tahun dan ke atas, syarikat, persatuan dan kelab yang operasinya dibenarkan oleh syarak dan undang-undang Malaysia. Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan yang berkaitan.⁶²

vi) **Skim Pembiayaan Pelajaran Muamalat (*Muamalat Education Financing Scheme*)**

Produk ini beroperasi berdasarkan konsep syariah Bai' al-Inah. Di bawah kontrak ini bank akan menjual aset kepada pelanggan dengan harga kos tambah kadar keuntungan dengan cara bayaran tangguh atau ansuran. Kemudian bank akan membeli semula aset tersebut daripada pelanggan secara tunai dengan harga kos. Ciri-ciri kepada produk ini adalah pembiayaan pelajaran kepada pelajar diperingkat sarjana muda, sarjana (master) dan doktor falsafah (Ph.D), minimum pembiayaan ialah RM 10,000 dan maksimum RM 30,000, pelanggan dilindungi oleh pelan Takaful Gadai Janji. Kelebihannya

⁶² *Ibid.*, hal 12.



ialah membolehkan seseorang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di dalam negara. Sasaran pelanggan ialah warganegara Malaysia 18 tahun dan ke atas tetapi tidak mencapai 60 tahun pada akhir tempoh pembiayaan. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan surat tawaran kemasukkan ke institusi pengajian tinggi dan yuran pelajaran, melengkapkan borang permohonan pembiayaan pelajaran, salinan kad pengenalan dan dokumen lain yang diminta.⁶³

vii) **Pembiayaan Projek Istisna' Muamalat (*Muamalat Istisna'* Project Financing)**

Produk ini beroperasi di atas konsep syariah Bai' al-Istisna'. Di bawah kontrak ini bank akan membeli kontrak dengan harga kos dan kemudiannya menjual kembali kepada pelanggan dengan harga dicampur keuntungan. Pembayaran balik hendaklah dibuat sepenuhnya atau bayaran aktif. Ciri kepada produk ini ialah untuk membiayai kontraktor yang diberikan projek oleh kerajaan, semi kerajaan dan syarikat-syarikat besar. Kelebihannya ialah pakej pembiayaan ini dibuat untuk pelanggan yang kekurangan modal kerja dalam jumlah yang sedikit dan ianya membenarkan pelanggan

⁶³ *Ibid.*, hal 13.



mengawal sepenuhnya pengurusan projek tersebut dan skedul pembayaran bergantung kepada pembayaran kontrak itu dibuat. Sasaran pelanggan ialah organisasi perniagaan. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan kertas kerja termasuk analisis aliran tunai, akaun teraudit dan dokumen sokongan.⁶⁴

viii) **Pembiayaan Ijarah Muamalat (*Muamalat Ijarah Financing*)**

Produk ini berdasarkan konsep syariah al-Ijarah, iaitu di mana manfaat daripada aset dipindahkan oleh pemilik (*Lessor*) kepada pelanggan (*Lessee*) pada harga sewaan dan tempoh yang dipersetujui bersama. Cirinya ialah menyediakan kepada pelanggan pembiayaan jangka pendek dan sederhana dengan cara sewaan ke atas barang seperti kilang, mesin, bangunan, peralatan komputer dan teknologi maklumat, kenderaan bermotor berat dan ringan dan aset tetap yang lain. Sasaran pelanggan ialah organisasi perniagaan. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan kertas kerja termasuk analisis aliran tunai, akaun teraudit dan dokumen sokongan.⁶⁵

⁶⁴ *Ibid.*, hal 14.

⁶⁵ *Ibid.*, hal 15.



ix) Pembiayaan Pusingan Muamalat (*Muamalat Revolving Financing*)

Produk ini berasaskan kepada konsep syariah al-Murabahah. Di bawah kontrak ini bank akan membiayai pelanggan dengan membeli Sijil Amanah Pembiayaan Pusingan Muamalat dan Kontrak Jualan Pembiayaan Pusingan Muamalat. Tujuannya adalah hanya untuk membiayai modal kerja. Ciri-ciri kepada produk ini ialah satu aset tetap pelanggan yang bebas daripada bebanan hutang hendaklah dijadikan sekuriti kepada bank, jumlah minimun yang boleh dikeluarkan ialah RM 100,000.00, tempoh pembiayaan dari 30 hari hingga 180 hari bergantung kepada kehendak dan permintaan pelanggan dan kadar keuntungan berdasarkan kadar rujukan keuntungan muamalat. Kelebihannya kadar keuntungan yang kompetitif, aset yang disekuritikan boleh mengeluarkan tunai berulang kali dan 100% pembiayaan Sijil Amanah Pembiayaan Pusingan Muamalat. Sasaran pelanggan ialah pelanggan korporat yang mempunyai aset tetap yang boleh disekuritikan. Permohonan boleh dibuat terus kepada unit pembiayaan Bank Muamalat Malaysia Berhad dan semasa hendak mengeluarkan tunai dokumen yang diperlukan ialah Notis Boloh Tunai Pembiayaan Pusingan Muamalat, Kontrak Jualan Pembiayaan



Pusingan Muamalat dan Sijil Amanah Pembiayaan Pusingan Muamalat.⁶⁶

2.4.3. Produk-Produk Pembiayaan Perdagangan.

i) **Pembiayaan Modal Kerja al-Mudharabah (*Al-Mudharabah Working Capital Financing*) (MWCF)**

Produk ini berasaskan kepada konsep syariah al-Murabahah. Kemudahan ini diberikan kepada pelanggan yang ingin membiayai modal kerja dalam jangka pendek dengan cara pembayaran balik sejumlah wang tunai secara ansuran harga kos ditambah keuntungan. Ciri-ciri kepada produk ini ialah harga kos mesti dinyatakan, harga serta tempoh pembayaran balik mesti dipersetujui oleh kedua pihak, bank akan menjadi wakil kepada pelanggan untuk membuat pembelian bagi pihaknya (*al-Wakalah*) dan pembiayaan untuk item-item yang mempunyai nilai jualan seperti saham dan inventori, alat ganti dan tukar, barang separuh siap dan bahan mentah. Kelebihannya ialah bayaran pendahuluan dibuat oleh bank bagi pihak pelanggannya untuk tujuan pembelian barang dan pelanggan boleh membuat pembayaran balik kepada bank secara bayaran ansuran

⁶⁶ *Ibid.*, hal 16.



bertempoh. Sasaran pelanggan ialah kontraktor dan syarikat pelaburan. Permohonan boleh dibuat dengan mengisikan borang permohonan MWCF, nota kontrak al-Murabahah, Invois semasa dan dokumen perjalanan dan bil pertukaran.⁶⁷

ii) **Pembiayaan Modal Kerja Bai' al-Dayn (*Bai' al-Dayn Working Capital Financing*) (BWCF)**

Produk ini berdasarkan kepada Bai' al-Dayn, iaitu merujuk kepada penjualan hutang berdasarkan transaksi perdagangan dalam bentuk bayaran jualan tangguh. Pihak pelanggan menjual hutang mereka kepada bank dengan harga diskaun. Cirinya ialah harga kos mesti dinyatakan, harga serta tempoh pembayaran balik mesti dipersetujui oleh kedua pihak dan pembiayaan untuk barang siap atau akhir sahaja. Sasaran pelanggan ialah kilang dan syarikat pelaburan. Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan Nota Kontrak Bai' al-Dayn dan menyertakan dokumen kewangan dan komersial sebagai mana diminta.⁶⁸

⁶⁷ *Ibid.*, hal 17.

⁶⁸ *Ibid.*, hal 18.



iii) Surat Kredit (*Letter of Credit*)⁶⁹

Produk ini merupakan surat bertulis yang diberikan oleh bank kepada pembeli untuk membayar penjual. Surat ini menjamin hutang yang dibuat oleh pembeli akan dibayar oleh bank dalam sejumlah wang tunai yang dinyatakan di dalam surat tersebut. produk ini memakai tiga jenis kontrak atau konsep syariah iaitu;

- a) Al-Wakalah. Ianya merujuk kepada mana-mana agensi yang mengadakan hubungan dengan bank di mana bank bertindak sebagai agen yang mewakili pihaknya. Ciri-cirinya ialah pelanggan membayar dahulu semua nilai surat kredit (100% deposit), pembayaran kepada penjual dibuat oleh bank, bank bertindak sebagai wakil kepada pelanggan dan tidak terdapat sebarang pembiayaan daripada bank. Kelebihannya ialah memastikan pembeli menerima barang mereka pada masanya dan pembayaran dibuat di atas resit dokumen pematuhan. Sasaran pelanggan ialah syarikat pelaburan, pengimpor dan pembeli tempatan. Permohonan dibuat dengan melengkapkan borang

⁶⁹ *Ibid.*, hal 19-22.



permohonan, sijil insuran, permit impot dan dokumen serta perjanjian yang berkaitan.

:

- b) Al-Murabahah. Ianya merujuk kepada penjualan barang dengan harga kos ditambah keuntungan yang telah dipersetujui oleh penjual dan pembeli. Kontrak ini di mana barangan pertukaran diantar sekarang dan harga bayaran dibuat pada masa akan datang dengan sejumlah tunai yang telah dipersetujui. Ciri-cirinya ialah bank membuat pembiayaan, pembayaran dilakukan oleh bank, bank mewakili pelanggan sebagai pembeli dan bank menjual kepada pelanggan barangan yang dibeli dengan harga belian asal ditambah keuntungan. Kelebihannya dapat membeli barangan secara hutang tetapi boleh menikmati harga tunai daripada pembekal, mendapat pembiayaan daripada bank, membayar balik kepada bank dalam tempoh berperingkat dan mungkin menerima rebet. Sasaran pelanggan ialah pembeli tempatan, pengilang dan syarikat pelaburan. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan, sijil insuran, permit impot dan kontrak al-Mudharabah.



c) Al-Musyarakah. Ianya merujuk kepada usahasama antara bank dengan pelanggan dan masing-masing akan berkongsi keuntungan dan kerugian mengikut kadar yang telah ditentukan bersama. Ciri-cirinya ialah projek atau kontrak yang diperlukan, pelanggan memberi deposit daripada bahagian modalnya ke atas pembelian harga kos barang, bank menerima deposit tersebut berdasarkan konsep al-Wadiah Yad Dhamanah, bayaran dibuat oleh bank kepada penjual meliputi modal pelanggan dan modalnya sendiri dan selepas selesai projek tersebut bank akan berkongsi keuntungan dan kerugian dengan pelanggannya mengikut persetujuan atau kadar yang telah diakui bersama.

iv) **Bil Penerimaan Islam (*Islamic Accepted Bill*)⁷⁰**

Produk ini sama dengan produk penerimaan juru bank yang diformulasikan dengan kontrak Islam. Tujuannya ialah untuk transaksi perdagangan berikut;

- a) Pembelian daripada warganegara atau bukan warga negara.

⁷⁰ *Ibid.*, hal 23-25.



Kemudahan ini disediakan kepada pembeli untuk membiayai pembelian barang dagangan mereka seperti bahan mentah, barang separuh siap dan barang siap. Cirinya ialah pembiayaan ini berdasarkan kepada konsep al-Murabahah, bil pertukaran dikeluarkan oleh bank dan diterima oleh pelanggan, nilai invos adalah 100%, jumlah minimum ialah RM 30,000, tempoh minimum ialah 21 hari dan maksimum 200 hari, pembiayaan untuk pembelian tempatan dan impot.

b) Penjualan kepada warganegara dan bukan warganegara.

Kemudahan ini disediakan kepada penjual yang melakukan ekspot dan jualan tempatan secara hutang. Di bawah produk ini pelanggan menjual hutang mereka kepada bank dan menerima keuntungan. Bank kemudian akan masuk ke dalam kontrak Bai' al-Dayn dengan penjual atau pengekspot. Cirinya ialah berdasarkan konsep Bai' al-Dayn (*debt-trading*), nilai invos adalah 100%, jumlah minimum ialah RM 30,000, tempoh minimum ialah 21 hari dan maksimum 360 hari.



v) **Pembiayaan Semula Kredit Export Islam (*Islamic Export Credit Refinancing*) (IECR)**⁷¹

Pada produk ini terdapat dua jenis kemudahan yang disediakan kepada pengekspot iaitu :

- a) Pembiayaan sebelum pengiriman.

Kemudahan ini disediakan kepada pengekspot bagi menyediakan barang sebelum pengirimannya dilakukan. Konsep syariah yang dipakai di sini ialah al-Murabahah dan Bai' al-Dayn. Ciri-cirinya ialah dibiayai oleh pihak bank, kadar pembiayaan ditentukan oleh bank, jumlah minimum pembiayaan adalah sebanyak RM 10,000, pembiayaan adalah untuk barang nyata sahaja yang bertepatan dengan kehendak syarak dan tempoh pembiayaan maksimum selama 4 bulan.

- b) Pembiayaan selepas pengiriman.

Perkhidmatan ini disediakan kepada pengekspot langsung bagi membiayai pengekspotan barang nampaR

⁷¹ Ibid., hal 26-28.



yang dibenarkan oleh syarak seperti bahan mentah, barang pertengahan dan barang akhir. Bank dan pengekspot akan memasuki kontrak Bai' al-Dayn. Ciri-cirinya ialah pembiayaan hanya untuk pengekspot langsung sahaja, ekspot barang yang dihalalkan oleh syarak sahaja, tempoh minimum pembiayaan ialah 7 hari dan maksimum 6 bulan, jumlah minimum pembiayaan ialah RM 10,000 dan diskaun akan ditentukan oleh bank.

vi) **Bil Pertukaran Pembelian Tempatan dan Luar Islam**
(Islamic Foreign and Domestic Bill of Exchange Purchased)

Produk ini disediakan oleh bank kepada penjual yang ingin membiayai hutang perdagangan mereka yang wujud daripada kontrak penjualan barang halal di bawah kontrak Bai' al-Dayn. Pembiayaan ini berbentuk jangka pendek di mana bank akan membeli hak hutang pelanggan. Kelebihannya ialah pengguna akan mendapat dana yang segera, menguatkan aliran tunai pelanggan dan pembiayaan sepenuhnya ke atas jumlah sijil hutang. Sasaran pelanggan ialah penjual, pedagang dan pengilang. Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan dokumen perdagangan, kontrak Bai' al-Dayn dan



perintah pengumpulan hutang pelanggan. Kadar diskaun ditentukan melalui kadar pasaran wang Islam antara bank atau kadar keuntungan ditambah dengan kadar pembiayaan.⁷²

vii) **Jaminan Penghantaran atau Perkapalan al-Kafalah (*Al-Kafalah Shipping Guarantee*)**

Al-Kafalah atau al-Dhamanah merujuk kepada jaminan yang dibuat oleh bank kepada tuan punya barang yang meletakkan barang atau depositnya kepada pihak ketiga di mana sebarang tuntutan ke atas barangannya boleh dibuat kepada penjamin dan pihak ketiga. Kemudahan ini disediakan oleh bank bagi pengimpor bagi menyelesaikan barang mereka di pelabuhan tanpa penghasilan bil pendaratan. Kelebihannya pengimpor boleh mengambil barang yang dihantar segera, pengimpor terlepas daripada bayaran pengudangan dan membolehkan pengimpor menjual barang tanpa sebarang penangguhan. Kadar komisen akan dikenakan oleh bank.⁷³

⁷² *Ibid.*, hal 29-30.

⁷³ *Ibid.*, hal 31.



viii) Bil Ke Dalam Untuk Pengumpulan Tempatan dan Luar Islam (*Islamic Foreign and Domestic Inward Bill for Collection*)

Bertujuan menguruskan bil ke dalam yang diterima daripada pelanggan bank asing dan tempatan bagi menunjukkan kepada pembeli bayaran balik atau penerimaan bil pertukaran untuk pembayaran pada masa mendatang. Cirinya ialah bank bertindak sebagai wakil pengumpul bayaran, tiada pembayaran yang dibuat oleh bank, bank mengenakan yuran atau komisen di atas konsep al-Ujr.⁷⁴

ix) Bil Keluar Untuk Pengumpulan Tempatan dan Luar Islam (*Islamic Foreign and Domestic Outward Bill for Collection*)

Bertujuan menguruskan bil keluar yang diterima daripada pelanggan bank asing dan tempatan bagi menunjukkan kepada pembeli bayaran balik atau penerimaan bil pertukaran untuk pembayaran pada masa mendatang. Cirinya ialah bank bertindak

⁷⁴ *Ibid.*, hal 33.



sebagai wakil pengumpul bayaran, tiada pembayaran yang dibuat oleh bank, bank mengenakan yuran atau komisen di atas konsep al-Ujr.⁷⁵

2.5 PENUTUP.

Demikianlah konsep-konsep syariah dan produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam hasil daripada penelitian kepada konsep yang wujud dari sumber-sumber syariah yang diteliti dan dihalusi oleh para ulama'. Konsep dan produk ini telah diterima secara umum khasnya bagi masyarakat Malaysia. Perbankan Islam telah menjadi satu alternatif yang terbaik kepada umat Islam di Malaysia dan ianya mempunyai perkhidmatan yang setanding dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perbankan konvensional.

⁷⁵ *Ibid.*, hal 34.